

Elak percanggahan

Oleh Daud Awang, Salina
Abdullah, Munaarfah Abu Bakar
dan Minarni Mat Saad

MELAKA. Selasa – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan pemimpin Barisan Nasional (BN) supaya tidak membuat sebarang kenyataan bercanggah berhubung isu penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kenyataan bercanggah boleh menimbulkan salah faham di kalangan anggota komponen BN dan rakyat.

Beliau yang juga Timbalan Pengerusi BN berkata, menjadi amalan BN untuk menyelesaikan setiap isu secara muafakat, bukannya melalui kenyataan yang mengelirukan.

“Jika kita nak berbincang, pokok perbincangan itu mestilah untuk mencari penyelesaian. Sesuatu penyelesaian tidak dapat dicari melalui surat khabar,” katanya.

Abdullah berkata demikian ketika diminta mengulas hasil perbincangan parti komponen BN pada mesyuarat tertutup di pejabatnya di Putrajaya, pagi ini. Mesyuarat kira-kira dua jam bermula 8.30 pagi itu, dihadiri semua pemimpin komponen BN termasuk dari Sabah dan Sarawak.

Antaranya, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP), Datuk M Kayveas.

Pertemuan itu diadakan bagi mendapatkan pandangan semua parti komponen BN mengenai isu penggunaan bahasa Inggeris dalam dua subjek berkenaan sebelum Kabinet membuat keputusan esok.

Abdullah yang ditemui pemberita selepas menutup Majlis Bekas Wakil Rakyat

LIHAT MUKA 2

Abdullah maklum keputusan

DARI MUKA 1

Malaysia (Mubarak) di sini, bagaimanapun enggan memberitahu keputusan mesyuarat itu.

"Tidak wajar saya unumkan semua ini sebelum saya jumpa Perdana Menteri. Saya telah dengar pandangan mereka.

"Apa yang mereka putuskan akan saya sampaikan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Abdullah berkata, perbincangan itu memberi kesan positif dengan pelbagai pihak mengemukakan pan-

dangan dan cadangan.

"Satu aspek positif...satu aspek ada berlainan. Tak apalah kita bincang," katanya.

Berita Harian difahamkan, pada mesyuarat tertutup itu parti komponen BN mencadangkan agar pelaksanaan pengajaran subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dimulakan pada peringkat sekolah menengah.

Mereka berpendapat dasar itu tidak sesuai dijalankan pada peringkat sekolah rendah kerana akan menimbulkan lebih banyak masalah, terutama dari

segi pemahaman dan penerimaan murid.

Beberapa pemimpin komponen BN ketika dihubungi juga enggan mengulas hasil mesyuarat itu, tetapi sumber memberitahu perbincangan berkenaan berjalan dalam suasana baik dan setiap pemimpin berpeluang memberikan pandangan secara telus.

Sumber itu berkata, Abdullah bersetuju menyampaikan pendirian parti komponen itu kepada Perdana Menteri. Difahamkan, perkara itu akan dibincangkan pada mesyuarat Kabinet, esok.

Menurut sumber itu, pada dasarnya parti komponen BN tidak menentang penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran dua subjek berkenaan, tetapi bimbang kaedah pelaksanaannya.

Dr Mahathir sebelum ini berkata Kabinet akan mengkaji cadangan balas beberapa pihak termasuk parti yang mewakili masyarakat Cina dalam BN berhubung isu berkenaan.

Lima parti komponen yang mewakili masyarakat Cina, MCA, Gerakan, LDP, Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) dan Parti Maju

mesyuarat kepada Dr Mahathir

Sabah (SAPP) sebelum ini gagal mencapai kata sepakat dalam menetapkan pendirian bersama mengenai isu itu.

Gerakan minggu lalu menolak dasar itu dan mencadangkan supaya bagi peringkat sekolah rendah, bahasa ibunda dikekalkan sebagai bahasa pengantar dan pada masa sama pengajaran Sains dan Matematik perlu diperbaiki.

Berikutan kenyataan itu, Kayveas mahu Gerakan dipecat daripada komponen BN.

Empat parti komponen lain hanya berdiam diri.

Terdahulu, Abdullah da-

lam ucapan pada majlis penutup Mubarak, berkata Perdana Menteri sudah memberi jaminan akan mendapatkan pandangan semua pihak sebelum membuat keputusan muktamad berhubung isu berkenaan.

"Semua ahli BN tahu bahawa pemimpin kita (Dr Mahathir) adalah orang yang suka mendengar semua pandangan dan keputusan yang dibuat akan memberi manfaat kepada semua pihak," katanya.

Selain itu, katanya, kerajaan akan mempertingkatkan secara menyeluruh pe-

ngajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu dan Inggeris di semua peringkat.

"Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris tetap menjadi mata pelajaran yang perlu diambil semua pelajar. Yang kita buat sekarang ialah untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris bagi menjadi bangsa yang mempunyai kemampuan tinggi dalam penguasaan dua bahasa," katanya.

Bercakap selepas melan- carkan Terminal Tiga Northport dan Tren Kelas Super Post Panamax di Dermaga 11, Pelabuhan

Utara, Klang petang ini pula Abdullah berkata, Dr Mahathir sebagai Pengerusi BN mungkin mengadakan pertemuan dengan pemimpin parti komponen pada waktu sesuai bagi membincangkan isu itu.

"Sebelum ini, mereka sudah meeting empat kali dan yang terakhir semalam, maka hari ini saya berjumpa mereka dan tidak tahu sama ada mereka hendak berjumpa saya lagi atau tidak tetapi mengikut mesyuarat tadi mereka sudah bersedia untuk berjumpa Perdana Menteri," katanya.